

Kita OK!

BIL. 11 / OGOS 2021

#MenangBersama #LindungDiriLindungSemua #MalaysiaPrihatin

MALAYSIA MERINTIS JALAN KELUAR

Hampir dua tahun Malaysia berperang untuk menghentikan wabak penyakit yang berbahaya kepada kesihatan awam, menjejaskan ekosistem ekonomi dan semua aspek kehidupan masyarakat. Peperangan ini belum menemui nokhtahnya apabila virus ini dikesan bermutasi sehingga strategi yang diguna untuk mengalahkannya sebelum ini tidak lagi berkesan dari semasa ke semasa.

Keadaan ini mengerah seluruh usaha dan tenaga pembuat dasar negara untuk menilai risiko dan merangka pelan selangkah ke hadapan bagi memenangi pertempuran di luar medan ini. Apa pun yang dirancang, yang pasti Malaysia perlu segera keluar daripada belunggu COVID-19.



Namun, aktiviti ekonomi tempatan dijangka pulih dan meningkat dengan lebih jauh pada separuh kedua 2021 berikutan Malaysia perlu membuka semula lebih banyak sektor bagi kelangsungan ekonomi walaupun dengan adanya virus COVID-19. Hakikatnya, Malaysia telah kehilangan hasil RM1 bilion sehari sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada ketika ini.

Langkah ini disokong dengan **Pelan Pemulihan Negara (PPN)** yang merupakan satu strategi peralihan keluar daripada kemelut pandemik ini secara berfasa, teratur dan sistematik.

Pelan pemulihan ini dapat memberikan gambaran kepada peniaga dan pelabur dalam mencatur perniagaan masing-masing kerana perancangan sukar dibuat jika ekonomi sentiasa dibuka dan ditutup tanpa panduan yang jelas. Ketidakpastian ini bukan hanya akan meningkatkan kos perniagaan, tetapi turut mengakibatkan keyakinan pelabur terjejas.

Strategi Pelan Pemulihan Negara ini merangkumi **4** fasa. Setiap fasa pelan pemulihan ini bersandarkan **3** indikator ambang utama.

INDIKATOR:



Bilangan kes jangkitan harian



Keupayaan sistem kesihatan awam berdasarkan kadar penggunaan katil di wad Unit Rawatan Rapi (ICU)



Peratusan populasi yang menerima 2 dos suntikan vaksin

FASA

PERTAMA

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyeluruh. Bilangan kes COVID-19 adalah tinggi, sistem kesihatan awam di tahap kritikal dan kadar pencapaian vaksinasi masih rendah.

Semasa fasa pertama:

Kemudahan diberikan kepada penerima vaksin lengkap iaitu:

- Pasangan suami isteri jarak jauh (PJJ) dibenarkan merentas negeri dan daerah untuk bertemu.
- Ibu bapa dibenarkan merentas negeri dan daerah untuk berjumpa anak berusia bawah 18 tahun.
- Solat berjemaah di masjid dibenarkan. Begitu juga aktiviti di rumah ibadat yang lain

Peralihan ke fasa ke-2 apabila:

- Purata kes harian menurun di bawah 4,000 kes.
- Sistem kesihatan awam tidak kritikal. Kadar penggunaan katil di wad Unit Rawatan Rapi (ICU) pulih ke paras sederhana.
- 10% populasi telah menerima 2 dos suntikan vaksin..

TAHUKAH ANDA?

Individu diiktiraf telah lengkap vaksinasi apabila memenuhi kriteria seperti yang berikut:

Memerlukan
2 dos
suntikan vaksin

- Pfizer
- AstraZeneca
- Sinovac

Melepassi hari ke-**14**
daripada tarikh
suntikan dos kedua

Memerlukan
1 dos
suntikan vaksin

- Johnson & Johnson
- CanSino

Melepassi hari ke-**28**
daripada tarikh
suntikan

SOLIDARITI RAKYAT MALAYSIA DALAM MENDEPANI COVID-19

Jalur Gemilang adalah lambang semangat patriotisme yang mencetuskan solidariti rakyat Malaysia dalam mendepani cabaran COVID-19.

Gelorakan semangat patriotisme anda sempena Bulan Kebangsaan dan Kibarkan Jalur Gemilang 2021 yang bertemakan Malaysia Prihatin melalui kibaran Jalur Gemilang dengan penuh rasa bangga, hormat dan tertib.



KEDUA

Kesinambungan daripada fasa pertama. Aktiviti sosial dan pergerakan terus dikawal dengan ketat.

Semasa fasa ke-2:

- Aktiviti ekonomi akan dibuka berperingkat. Kapasiti pekerja sehingga 80% di premis.
- Hanya sektor yang tersenarai dibenarkan beroperasi. Sektor daripada fasa 1 akan diperluaskan semasa fasa 2 termasuk aktiviti peruncitan seperti barangan elektronik dan komputer untuk menyokong mereka yang bekerja dari rumah.
- Kemudahan yang diberikan kepada penerima vaksin lengkap fasa pertama diperluaskan dengan aktiviti seperti:
 - Rentas negeri dibenarkan.
 - *Dine-in* dibenarkan.
 - Sukan dan riadah tanpa sentuhan serta bukan berkumpul dibenarkan.
 - Aktiviti pelancongan dalam negeri yang sama dibenarkan.

Peralihan ke fasa ke-3 apabila:

- Purata kes harian COVID-19 menurun ke paras bawah 2,000 kes.
- Sistem kesihatan awam berada di tahap selesa. Penurunan kadar penggunaan katil di wad Unit Rawatan Rapi (ICU) ke paras mencukupi.
- 40% populasi dalam negara telah menerima 2 dos suntikan vaksin.



PUSAT PEMBERIAN VAKSIN
MVEC, MID VALLEY SOUTHKEY, JOHOR BAHRU

CElik

PELAN PEMULIHAN NEGARA

Semakin ramai menerima suntikan vaksinasi lengkap maka semakin ramai yang akan dilindungi daripada jangkitan yang lebih teruk. Kesannya beban kepada sistem kesihatan awam akan berkurang dan lebih banyak sektor ekonomi serta sosial akan dapat dibuka. Akhirnya negara dapat keluar daripada pandemik COVID-19 dengan lebih teratur dan selamat.

KETIGA

Semua aktiviti ekonomi dibenarkan beroperasi kecuali aktiviti yang berisiko tinggi untuk jangkitan COVID-19 masih ditutup.

Semasa fasa ke-3:

- Semua sektor ekonomi dibenarkan beroperasi kecuali aktiviti yang berisiko tinggi menyebabkan jangkitan COVID-19 atau melibatkan keramaian seperti penganjuran konvensyen, pub dan salon kecantikan.
- Sektor ekonomi akan kekal dibenarkan beroperasi pada kapasiti 80%.
- Aktiviti sosial termasuk pendidikan dan sukan tertentu boleh dibuka berperingkat.

Peralihan ke fasa ke-4 apabila:

- Purata kes harian COVID-19 menurun ke paras bawah 500 kes.
- Sistem kesihatan awam berada di paras selamat. Kadar penggunaan katil di wad Unit Rawatan Rapi (ICU) mencukupi.
- 60% populasi dalam negara telah menerima dua dos suntikan vaksin.

KEEMPAT

Fasa terakhir Pelan Pemulihan Negara.

Semasa fasa ke-4:

- Semua sektor ekonomi dibuka. Lebih banyak aktiviti sosial dibenarkan, perjalanan rentas negeri dan pelancongan domestik juga dibolehkan.
- Program vaksinasi telah mencapai tahap imuniti berkelompok atau herd immunity selewatnya pada akhir tahun 2021.

FAKTA Bukan Auta

23.6 juta dos suntikan vaksin telah diberikan di Malaysia sehingga 6 Ogos 2021.

- 15.35 juta individu dewasa menerima 1 dos suntikan vaksin.
- 8.25 juta individu dewasa telah lengkap menerima 2 dos suntikan vaksin.

Kadar vaksinasi harian melepasi paras **500 ribu** dos dicatatkan pada 22 Julai 2021.

- Kadar vaksinasi harian telah mencecah 400 ribu dos hampir setiap hari sejak 12 Julai 2021.

Vaksinasi lengkap dapat mengukuhkan sistem pertahanan badan, melindungi diri daripada gejala jangkitan yang lebih teruk dan mengurangkan **50%** kadar kebolehjangkitan kes postif COVID-19.

50% kadar vaksinasi lengkap disasarkan kepada penduduk dewasa di Malaysia menjelang Hari Kebangsaan 2021.